

# Musim penyu bertelur di Port Dickson

---

UN 27104124 Mls 12

**POR T DICKSON:** Musim pendaratan penyu di pantai peranginan di sini bermula dengan penemuan kira-kira 159 biji telur penyu karah di Pantai Tanjung Gemok, awal pagi semalam.

Renjer penyu yang juga Pengurus Pusat Pemuliharaan Penyu Glory Beach Resort, Hishamudin Abd. Manap berkata, dia menemukan telur haiwan dilindungi itu kira-kira pukul 1 pagi.

“Ada empat pantai yang menjadi kesukaan penyu untuk bertelur iaitu Pantai Glory Beach Resort, Pantai Tanjung Gemok, Pantai Bagan Pinang dan Pantai Baru 1.

“Apabila mula musim penyu bertelur dari April hingga November, saya akan memantau pantai-pantai ini bermula pukul 10 malam hingga 5 pagi untuk mengesan penyu mendarat serta telur. Bagi penemuan pertama untuk musim ini, dipercayai telur ini sudah berusia 10 hingga 15 hari,” katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Turut membantu menyelamatkan telur penyu berkenaan ialah kakitangan Glory Beach Resort diketuai Pengurus Besarnya, John Yeong.

Ujar Hishamudin lagi, kesemua telur penyu tersebut dibawa ke Pusat Pemuliharaan Penyu Glory Beach Resort dan dijangka menetas dalam tempoh dua bulan lagi.

Menurutnya, kebiasannya seekor ibu penyu akan naik sebanyak empat kali ke darat bagi bertelur dengan purata 160 biji buat kali pertama.

“Tahun lalu, kami berjaya menyelamatkan lebih 2,000 biji telur semasa musim penyu bertelur di pantai peranginan daerah ini,” katanya.

“Ada empat pantai yang menjadi kesukaan penyu untuk bertelur.”